

09/05/2000

Rombongan PERDASAMA ke Iraq raih kejayaan

Zulkafly Baharuddin in Baghdad, Iraq
REAKSI 34 anggota rombongan Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) setelah tujuh hari di Baghdad, baru-baru ini amat jelas.

Senyum mereka lebar dan air muka mereka tidak menunjukkan sebarang tekanan walaupun membelanjakan lebih kurang RM10,000 seorang untuk ke Iraq.

Ada yang kembali dengan menerima wang pendahuluan sebanyak AS\$100,000 untuk tempahan bernilai AS\$30 juta daripada pembeli Iraq dan di antara ahli rombongan diminta menghantar sebut harga dengan seberapa segera.

Apa yang lebih penting ialah wujudnya perhubungan antara anggota rombongan dengan peniaga, pegawai kerajaan dan pegawai dari syarikat kerajaan Iraq.

Beberapa faktor dapat digariskan sebagai punca kejayaan rombongan jualan PERDASAMA.

Presiden PERDASAMA Datuk Moehamad Izat Emir memberitahu Berita Harian setiap anggota rombongan dipilih berdasarkan kepada kelayakan mereka menepati keperluan Iraq di bawah program minyak untuk makanan atau oil for food (OFF) kelolaan Pejabat Program untuk Iraq Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Berikutan usaha PERDASAMA menganjurkan program penerangan mengenai OFF November lalu, ramai pedagang dan pengusaha Melayu menyedari akan peluang yang terbuka kepada mereka untuk berurusan dengan Baghdad.

PERDASAMA menerima banyak panggilan daripada pedagang dan pengusaha untuk menyertai rombongan jualan ke Baghdad anjurannya bersama MATRADE. Dengan kerjasama kedutaan Iraq di Kuala Lumpur, pertemuan dengan tujuh kementerian serta menteri yang bertanggungjawab disusun.

"Kami diberi taklimat sepenuhnya oleh para Menteri termasuk cara berurusan dan berdagang dengan Iraq," kata Moehamad Izat.

Pedagang dan pengusaha Melayu kini tahu bahawa mereka perlu mendaftarkan syarikat mereka dengan kerajaan Iraq melalui kedutaan agar dapat bergerak di Baghdad.

Dalam perbincangan dengan Menteri serta pegawai kerajaan, pedagang dan pengusaha Melayu sedar mereka tidak hanya memberi gambaran secara am akan keperluan Iraq tetapi dapat menjelaskan secara spesifik peralatan yang mereka perlu.

"Mereka tahu apa yang mereka kehendaki," kata seorang pedagang.

Ini adalah kerana Iraq sebelum sekatan adalah sebuah negara yang maju dari segi teknologi, infrastruktur dan ekonomi, manakala rakyatnya adalah celik huruf.

Ada di kalangan anggota rombongan yang mendapat tawaran untuk membaikpulih infrastruktur ekonomi Iraq. Banyak kilang di negara itu masih berdiri tegak tetapi peralatannya musnah atau tidak lagi mampu beroperasi kerana kekurangan alat gantian.

Iraq juga memerlukan bahan untuk sektor perkilangan mereka. Dengan adanya kepakaran yang wujud di Iraq, amat mudah bagi pedagang dan pengusaha Melayu untuk berurusan dan seterusnya membantu mengembalikan sektor perkilangan negara itu bagi memenuhi tuntutan rakyatnya seramai 23 juta orang.

Walaupun Baghdad didera dengan pengeboman oleh Amerika Syarikat, tidak kelihatan langsung kesan-kesan kemusnahan di bandaraya itu.

"Ini menunjukkan bahawa tenaga buruh dan kepakaran Iraq mampu

membbaikpulihan kemusnahan dan bangunan baru yang dibina menunjukkan rekaan yang baik," kata Datuk Moehamad Izat.

Infrastruktur jalannya juga baik dari sempadannya dengan Jordan hinggalah ke Baghdad dan juga ke bandar lain dan ini memudahkan pergerakan logistik dan barangan.

Ruang untuk pejabat masih banyak yang kosong dan selain rumah kediaman yang besar bagi pedagang dan pengusaha Melayu jika ingin menubuhkan pejabat di Baghdad yang kosnya tidak mahal berbanding dengan kekuatan wang asing.

Sekurang-kurangnya dua syarikat Melayu, Item Industrial Engineering dan Zanwa yang berkaitan dengan kejuteraan elektrik akan ke Baghdad dalam masa dua minggu ini.

Sebuah syarikat lagi, Puncak Niaga diminta menyediakan kertas cadangan untuk membaikpulihan system air bandaraya Baghdad yang bernilai AS\$3 billion (RM11.4ibilion).

Syarikat Knockwood Furnitures pula di minta memberikan sebut harga bagi menyediakan meja dan kerusi untuk sekolah.

Moehamad Izat berkata hampir semua anggota rombongan akan menumpukan perhatian terutama dalam mengemaskinikan kertas kerja yang perlu untuk bergerak di Iraq.

"Sambutan kerajaan Iraq amat baik," kata Moehamad Izat.

Ini adalah hasil usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memperjuangkan keperitan hidup rakyat Iraq di forum antarabangsa, meminta Majlis Keselamatan PBB menarik balik sekatan yang dikenakan sejak lebih 10 tahun lalu.

"Simpati kita dengan Iraq dan pendirian teguh Malaysia terhadap Iraq memberi kesan kepada kepimpinan di Baghdad," kata Moehamad Izat.

Malaysia kini dianggap sebagai rakan kelima untuk Iraq berurusan dagang selepas China, Russia, Perancis dan Vietnam.

Kedudukan ini memberi manfaat kepada pedangan dan pengusaha Melayu kerana kalau dilihat dari senarai itu, Malaysia mempunyai barangan yang bermutu, pelbagai dan harga yang berdaya saing.

"Orang Iraq amat selesa untuk berurusan dagang dengan kita," kata Moehamad Izat.

PERDASAMA akan membuat satu lagi rombongan ke Baghdad pada penghujung bulan ini dan Moehamad Izat mempelawa anggotanya untuk segera mendaftarkan diri bagi menyertai rombongan itu.

Ini membolehkan mereka merebut peluang yang akan disediakan dalam fasa ke lapan OFF yang akan dilancarkan tidak lama lagi dengan sebahagian besar keperluan Iraq ialah bahan-bahan binaan.

(END)